

# Atasi masalah secara imaginatif

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin — Setiap bangsa mesti menyelesaikan masalah masing-masing secara imaginatif dan bekerjasama secara harmonis bagi mengatasi masalah serantau dan dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kewujudan Orde Baru Dunia memerlukan Asia, khususnya negara kecil, untuk memikirkan dan menyatakan semula hak serta tugas mereka sebagai kesatuan individu dan anggota komuniti antarabangsa.

“Setiap bangsa mestilah menyelesaikan masalah masing-masing secara imaginatif. Bagaimanapun, bagi masalah dunia dan serantau, kita mestilah bekerjasama secara harmonis antara satu sama lain untuk mengatasinya.

“Sudah pasti usaha membina kesedaran antarabangsa dan sejagat yang lebih bertenaga perlu dijalankan. Kita juga memerlukan hati nurani yang baru bagi seluruh umat manusia dalam Orde Baru Dunia iaitu lebih penyayang, halus dan berpelembutan.

“Bagi memastikan perkara ini dicapai, kita mesti mencari cara berfikir yang baru mengenai diri kita sendiri dan orang lain. Ini adalah tanggungjawab kita bersama,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan buku cenderamata Simposium Antarabangsa Mengenai Asia Pada Abad Ke-21 di sini, hari ini. Simposium itu dirasmikan oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Simposium anjuran Akademi Penulis dan disertai lebih 290 peserta itu membincangkan beberapa isu global serta cuba mengenal pasti, meneliti, berkongsi fikiran dan merancang masa hadapan mengenai nasib rantau

ini.

Perdana Menteri berkata, simposium seumpama itu yang menggabungkan tokoh pemikir, pemimpin dan cendekiawan Asia, adalah untuk mengkaji senario Asia dalam abad ke-21.

Menurutnya, abad ke-21 akan mewujudkan pelbagai cabaran baru kepada manusia dari segi politik, agama, ekonomi, kebudayaan, sains dan teknologi.

“Tidak akan ada penyelesaian yang mudah kepada cabaran-cabaran ini

“Saya gembira kebanyakan isu ini akan dibincangkan dalam simposium ini yang sedikit sebanyak boleh memberikan gambaran awal tentang apa yang harus kita hadapi,” katanya.

“Adalah menjadi satu petanda yang baik bagi rantau ini bahawa pemimpin dan cerdik pandainya pada peringkat awal lagi berusaha untuk bertemu dengan tujuan membincangkan abad ke-21 yang telah secara meluas diramalkan sebagai ‘Abad Asia,’” katanya.